

07 SEP 1996

Singapura - Rahim

PEMUDA UMNO ANGGAP PEMIMPIN SINGAPURA BIADAB

MELAKA, 7 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno menyifatkan pemimpin Singapura sebagai biadab apabila memberi kenyataan membayangkan kemungkinan ia terpaksa bercantum semula dengan Malaysia jika republik itu lemah.

Ketuanya Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata kenyataan menghina dan menyentuh perasaan rakyat Malaysia dan "kita memberi amaran kepada pemimpin mereka supaya jangan lagi keluarkan kenyataan biadab seperti itu."

"Kenyataan untuk menakut-nakutkan rakyat mereka itu bukan saja satu perbuatan tidak ikhlas, malah ia tidak bertanggungjawab sama sekali," kata beliau sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Kuala Lumpur malam tadi.

Dr Mahathir berkata Umno tersinggung dengan kenyataan berkenaan kerana tujuan ialah untuk menunjukkan betapa buruknya Malaysia kerana tidak mengamalkan meritokrasi.

Pemimpin Singapura beberapa kali menyatakan bahawa negara mereka mungkin terpaksa bersatu semula dengan Malaysia jika republik itu lemah dan gagal mencapai prestasi ekonomi yang kukuh.

Rahim berkata jika parti PAP yang memerintah Singapura mempunyai masalah, "selesaikan dalam konteks dalaman...jangan Malaysia dipersalahkan."

"Dengan merujuk kepada Malaysia sebagai sebuah negara yang kononnya tidak sehebat, semaju dan tidak amalkan meritokrasi seperti Singapura untuk menakutkan rakyatnya, pemimpin Singapura telah menghina Malaysia," katanya.

Ketua Pemuda Umno itu turut mempersoalkan kehebatan amalan meritokrasi dan demokrasi Singapura kerana berlaku diskriminasi yang jelas terhadap orang Melayu yang ditekan dalam kerajaan, ketenteraan dan bidang ekonomi.

"Amalan kebebasan politik Malaysia lebih meluas berbanding Singapura yang bertindak kasar terhadap pemimpin pembangkang...sebarang teguran pembangkang di sana akan disambut dengan penyingkiran.

"Kita di Malaysia bukan sahaja mengamalkan demokrasi yang lebih bebas tetapi mengamalkan meritokrasi dan toleransi yang menjadi budaya hidup dan dasar pemerintah," kata Rahim.

Beliau berkata di Singapura, orang Melayu tidak mendapat tempat tetapi di Malaysia terdapat dua Ketua Menteri berbangsa Cina iaitu di Sabah dan Pulau Pinang.

Katanya, amalan meritokrasi dan toleransi Malaysia membolehkan dua jawatan itu disandang oleh bangsa Cina walaupun pada perhitungan politik mengikut majoritinya, sepatutnya orang Melayu dipilih.

"Kita kurang faham kenapa Malaysia dijadikan rujukan," katanya.

--BERNAMA

MOZ MAI